

Nama : PERHIMPUNAN BULANAN IPL BAGI BULAN SEPTEMBER 2017 DAN SESI ENGAGEMENT YBHG. KETUA PENGARAH LAUT BERSAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN IBU PEJABAT LAUT MALAYSIA

Tarikh: 26 SEPTEMBER 2017

Tempat : AUDITORIUM IPL
Anjuran : IBU PEJABAT LAUT

Ringkasan Program: Berbagai isu dan amanat diberikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Laut.

AMANAT YBHG. DATO' KETUA PENGARAH LAUT DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, IBU PEJABAT LAUT UNTUK BULAN SEPTEMBER 2017 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)

1. YBhg. Dato' KP mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kepada semua warga JLM yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan *World Maritime Week (WMW)* yang telah diadakan pada 5 hingga 7 September 2017. Pelbagai acara yang telah diadakan sempena *WMW* termasuklah seminar, pameran dan juga Sambutan Hari Pelaut. Dimaklumkan juga bahawa YB. Menteri Pengangkutan semasa mesyuarat pasca kabinet baru-baru ini telah merakamkan rasa puas hatinya di atas penganjuran tersebut.
2. Bersempena dengan *WMW* juga, beberapa acara lain turut diadakan seperti golf dan acara berbasikal. Ucapan tahniah juga diberikan kepada semua pihak yang telah berjaya menganjurkan acara-acara tersebut.
3. 14 Oktober 2017 telah diisytiharkan sebagai Hari Sukan Negara. Pihak MOT akan menetapkan acara-acara yang akan dilaksanakan sempena dengan Hari Sukan Negara tersebut. Sehubungan dengan itu, semua warga JLM adalah digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam acara-acara yang akan diadakan supaya hasrat untuk melahirkan kakitangan awam yang sihat dapat dicapai.
4. Disamping itu, Sukan Jabatan Laut yang diadakan sebanyak sekali dalam tempoh dua tahun akan diadakan pada bulan November 2017. Tuan rumah bagi penganjuran Sukan Jabatan Laut kali ini ialah Jabatan Laut Wilayah Tengah. Sukan berkenaan penting bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara semua warga kerja JLM. Sehubungan dengan itu, semua wilayah wajar mengambil bahagian di dalam acara-acara sukan yang akan dianjurkan.



Sesi engagement bersama kakitangan Ibu Pejabat Laut



Kakitangan wanita yang hadir



Pegawai Sedang mendengar amanat